

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM**  
**DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**  
**PERMOHONAN JENAYAH NO: 44 – 217 TAHUN 2008**

---

Dalam perkara satu permohonan oleh Raja Petra bin Raja Kamarudin untuk arahan dalam hal Habeas Corpus

Dan

Dalam perkara Fasal 5 (1), 5(2), 5 (3), 11, 80 dan 149 Perlembagaan Persekutuan

Dan

Dalam Perkara Seksyen 8, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960

Dan

Dalam Perkara Seksyen 365 (1), Kanun Aturcara Jenayah

**ANTARA**

**RAJA PETRA BIN RAJA KAMARUDIN**

**... PEMOHON**

**DAN**

**MENTERI DALAM NEGERI**

**... RESPONDEN**

**DI HADAPAN YANG ARIF DATUK SYED AHMAD HELMY BIN SYED AHMAD**  
**HAKIM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM**  
**PADA 7 HARI BULAN NOVEMBER 2008**

**MAHKAMAH TERBUKA**

**P E R I N T A H**

**PERMOHONAN INI** yang ditetapkan untuk pendengaran pada hari ini dengan kehadiran **ENCIK MALIK IMTIAZ** bersama **ENCIK AZHAR AZIZAN HARUN, ENCIK ASHOK KANDIAH, ENCIK J CHANDRA, ENCIK SREEKANT PILLAI** dan **ENCIK H.K NEO** peguam bagi pihak pemohon dan **ENCIK ABD WAHAB** bersama **ENCIK DUSUKI** Peguam Kanan Persekutuan bagi pihak responden dan **ENCIK SALIM BASHEER** bagi pihak Majlis Peguam **DAN SETELAH MEMBACA** Notis Usul dan Afidavit yang difailkan bersama-sama ini **DAN SETELAH MENDENGAR** pihak-pihak yang tersebut di atas **DAN ADALAH JUGA DIPERINTAHKAN** bahawa satu Writ Habeas Corpus dibenarkan dan pemohon diperintahkan untuk dibawa ke Mahkamah dengan serta merta tidak melebihi jam 4.00 petang hari ini untuk dibebaskan dengan serta merta.

Diberi di bawah kuasa dan meterai Mahkamah ini pada **7** haribulan **November 2008**.



**( AZWARNIDA BINTI AFFANDI )**

**Timbalan Pendaftar**

Mahkamah Tinggi Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan